

30/07/1997

Jabatan agama perlu pertingkat asuhan

SEJAK peristiwa pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menangkap dan mendakwa tiga gadis Melayu yang mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik di mahkamah syariah kerana melanggar peruntukan kesalahan jenayah syariah Negeri Selangor, kisah itu tidak habis dibincangkan dalam akhbar, baik berbahasa Melayu mahupun berbahasa Inggeris. Tidak tahu pula jika akhbar Cina dan Tamil juga membicarakannya. Tetapi jika ada, tentu menarik hati juga.

Bukan saja peristiwa itu mendapat perhatian lidah pengarang akhbar bahkan penulis veteran juga turun padang untuk membicarakannya, seperti Tan Sri Samad Ismail bekas pengarang Berita Harian dan Zainuddin Mydin, bekas pengarang Utusan Malaysia. Perhatian pelbagai pihak, baik yang kritis terhadap tindakan Jais itu, atau yang mempertahankannya, menunjukkan betapa pentingnya isu itu kepada masyarakat.

Pemangku Perdana Menteri sendiri terpaksa mengeluarkan kenyataan, yang walaupun tidak menyentuh secara langsung peristiwa itu, memberi keyakinan bahawa walau apapun tindakan diambil dalam situasi seperti itu, ia hendaklah dilakukan dengan bijaksana dan tidak memberi gambaran keterlaluan. Dari segi politik, soal imej ini penting dan beliau tentu sekali sedar betapa ia boleh diputarbelitkan oleh akhbar luar negara. Judul Asiaweek (18.7.97) misalnya berbunyi, 'A religiously tolerant society seems to be flirting with Islamization for all'.

Tetapi adakah peristiwa penangkapan dan pendakwaan gadis yang mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik itu memberi gambaran pihak berkuasa agama Selangor menekan dan mengongkong atas nama Islam? Kesan yang saya dapati daripada ulasan dan pandangan dalam akhbar seolah-olah demikian, walaupun ada yang mempertahankannya kerana tindakan itu berlandaskan peruntukan undang-undang, dan lebih asas lagi, hukum agama.

Soal hukum agama bersangkutan pakaian dan kelakuan wanita Islam di tempat awam tidak lagi menjadi isu. Walaupun tidak selaras jabatan agama di negeri Melayu masing-masing mempunyai peruntukan mengenai perkara yang sama, cuma tidak atau belum dilaksanakan. Yang sering timbul dalam makalah ialah cara Jais bertindak dan sikap di sebalik tindakan itu.

Ini dapat diperhatikan daripada makalah yang menyangkut peristiwa itu. Perkataan 'kesederhanaan' dikaitkan dengan seruan Pemangku Perdana Menteri. Berita Harian dalam rencana pengarangnya menegaskan 'Islam bukan agama melampau' (BH, 7/7/97). Kolum 'Selayang Pandang' dalam Utusan Malaysia (UM, 6/7/97) menyoal cara hukum-hukum agama dilaksanakan oleh penguatkuasa agama. Zainuddin Mydin menyoal 'Kenapa tindakan Jais berbeza?' (UM 22.7.97), dan merujuk kepada Jais menangani kes penyelewengan kutipan zakat seorang pegawainya.

Hingga makalah ini ditulis selepas sebulan perkara itu berlaku, masih lagi menjadi mauduk tulisan pelbagai pihak. Pengarang Kumpulan BH, Datuk A Nazri Abdullah dalam 'Komentarnya' (BM, 20 Julai 97) merumus dengan tepat apa yang menjadi isu sebenarnya. Bukan soal melarang mengadakan pertandingan ratu cantik, pokoknya, dan bukan juga soal undang-undang dan hukuman yang dikenakan kepada gadis terbabit, tetapi yang menjadi persoalan ialah 'kebijaksanaan melaksanakannya'.

Memang yang terbanyak ditimbulkan ialah pendekatan dan sikap dalam melaksanakan melalui peruntukan undang-undang syariah yang digubal dan dilaksanakan oleh jabatan dan majlis agama negeri. Sepulangnya daripada cuti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan 'penguatkuasaan yang

berlebihan terhadap kesalahan agama boleh menyebabkan agama Islam dipandang hina bukan saja oleh orang asing, tetapi orang Islam sendiri'. (BH, 23 Julai 97).

Antara isu yang ditimbulkan, beberapa organisasi wanita menyoal keutamaan dalam tindak-tanduk Jais dan mungkin jabatan agama negeri lain juga agaknya, menangani dan melaksanakan undang-undang syariah, terutama yang bersangkutan wanita Islam (NST, 7 Julai 97). Mereka hairan kakitangan Jais yang sangat berkurangan itu mendahului penguatkuasaan hukum berpakaian dan pelakuan wanita Islam daripada menyelesaikan kes yang sepatutnya mendapat perhatian serius seperti kes rumah tangga, penderaan isteri atau tuntutan nafkah anak daripada bekas suami.

Sungutan organisasi wanita terhadap pentadbiran jabatan agama dan mahkamah syariah memang sudah lama kita dengar, terutama mengenai menjaga hak wanita dalam rumah tangga dan perkahwinan. Walaupun hukum syariah jelas dari segi kedudukan wanita, cara melihatnya hendaklah mengambil kira perubahan dan corak masyarakat di sekeliling kita hari ini. Kita tidak dapat lagi melihat kedudukan wanita seperti dalam masyarakat Arab zaman dulu, kerana pada masa ini wanita di negara Arab bukan macam dulu lagi.

Walhal, salah satu reformasi Islam di kalangan orang Melayu apabila menghadapi cabaran modenisasi ialah emansipasi wanita. Novel 'Faridah Hanum' nukilan Syed Sheikh al-Hady yang terbit pada pertengahan 20-an adalah satu-satu contohnya. Saya kira pada penghujung abad ke-20 ini tenaga wanita Melayu tidak boleh diambil enteng oleh mana-mana pihak, termasuk pentadbiran agama.

Saya menimbulkan soal wanita kerana kebetulan peristiwa yang berkenaan menyorot wanita. Pada sebelah pihak terkesan kepada kita pandangan bahawa walaupun tindakan Jais dilihat sebagai drastik, masih ada jalan keluar bagi wanita memenuhi hidup dalam zaman moden dengan tidak membelakangkan tuntutan agama. ('Were the authorities right...NST 19 Julai 97). Ada juga pandangan bahawa Jais tidak berlaku saksama kepada yang ditangkap ('Of Decency and Fair Play', NST 7 Julai 97), dan seperti kata penyoal lain, 'Tidakkah penangkapan ini hanya memberi malu pada gadis Melayu?' (Soal jawab agama, UM 20/7/97).

Ada juga surat yang menyoal apakah undang-undang dan hukuman yang sama akan dikenakan kepada atlet wanita yang tidak menutup auratnya seolah-olah tindakan Jais itu satu kepura-puraan (Would athletes also be 'taught a lesson'? NST 7/7/97). Nazri melihatnya sebagai 'double standard' kerana pertandingan 'Mr Malaysia' juga memperagakan aurat lelaki yang kalau mengikut hukum mesti ditutup dari pusat hingga ke lutut.

Yang jelas daripada makalah akhbar itu ialah kemiripan Jais dan pejabat agama lain menangkap dan menghukum pesalah undang-undang syariah. Menurut laporan 'Jais recruits more staff to enforce law' (Star 19/7/97), tangkapan dapat dilakukan kerana kakitangan ditambah daripada tujuh kepada 70 orang.

Supaya adil kepada Jais dan pejabat agama lain, tidak dapat dielakkan bahawa sudah menjadi tanggungjawabnya untuk melaksanakan peruntukan di bawah undang-undang syariah di bawah kuasanya. Dan yang berlaku kepada kumpulan Badr dulu, ataupun kes penyelewengan kutipan zakat oleh pegawai Jais, boleh berlaku dalam mana-mana organisasi. Tetapi, kita mengharapkan sesuatu yang lebih istimewa pada organisasi agama kerana ia mendukung martabat agama yang suci.

Dari segi melaksanakan hukum syariah, memang tidak banyak perubahan yang kelihatan pada jabatan agama dan ulama kita. Pendekatan daripada dulu hingga sekarang lebih dititikberatkan kepada soal menghukum. Apa yang dilihat ialah pada kesalahan yang dilakukan, pada pesalah, dan hukuman yang patut dikenakan.

Tidak difikirkan atau diberi pertimbangan kepada fakta, terutama gejala

masyarakat yang bertanggungjawab menimbulkan kesalahan atau pesalah itu.

Banyak kesalahan berakar daripada faktor sosial yang wujud. Ada juga yang muncul kerana sifat peribadi yang sudah ditakdirkan. Misalnya, kita tahu cuma menangkap dan menghukum 'pondan dan mak nyah' yang baru-baru ini disorot oleh sebuah akhbar tempatan (Mingguan Watan, 20/7/97). Tidakkah terfikir kenapa sudah ditangkap dan dihukum, mereka terus berbuat lagi? Apakah kita tidak ada pendekatan lain menangani gejala yang menjolok mata hasil daripada 'mores' masyarakat kita, walhal ia mungkin hidapan psikologi yang terbabit? Jika ia diberi pilihan, hendaklah ia menjadi mak nyah atau pondan yang selalu diburu polis?

Lain dengan penagihan dadah misalnya, ia diperolehi daripada pilihan sendiri dan harus menerima padahnya. Kesalahan hukum syarak adalah dalam kategori itu. Mengelak daripada melakukannya adalah lebih baik daripada menghukumnya apabila melakukannya. Bentuk pengelakan yang terbaik ialah mengasuh secara dalaman. Maka itu pendekatan mengelakkan diri daripada melanggar syariat agama lebih baik menerusi asuhan daripada dihukum kerana melakukannya. Oleh itu pendekatan Jais dan pihak berwajib agama yang lain akan lebih berkesan dalam melaksanakan hukum syariah melalui asuhan atau pendidikan masyarakat, bukan dengan pendekatan mahu menghukum kesalahan.

(END)